

Komunikasi Bukan Lisan: Simbol Sebagai Medium Pemakluman Dalam Adat Persandingan Masyarakat Melayu

Norhuda Salleh, PhD
Unit Penyelidikan Warisan Borneo,
Fakulti Kemanusiaan, Seni & Warisan
Universiti Malaysia Sabah
norhudasalleh@ums.edu.my

Abstrak

Simbol antara medium yang digunakan dalam perlakuan komunikasi bukan lisan bagi interaksi antara penyampai dan penerima pesan. Latar belakang sosial, pengalaman dan budaya antara faktor penting bagi memastikan maklumat yang disalurkan difahami oleh kedua-dua pihak. Adat persandingan merupakan acara kemuncak dalam pelaksanaan adat perkahwinan masyarakat Melayu secara keseluruhannya. Fokus kajian menganalisis simbol dan makna yang digunakan dalam adat persandingan masyarakat Melayu di Sekinchan, Selangor. Input kajian diperoleh melalui pemerhatian turut serta dan temu bual mendalam bersama informan utama iaitu Mak Andam dan pengamal adat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Hasil kajian menunjukkan simbol objek yang digunakan dalam pelaksanaan adat persandingan terdiri daripada inai, beras kunyit, air mayar, bunga rampai, pulut semangat, bunga telur, kompang, bunga manggar dan pelamin. Pemaknaan yang diberikan oleh masyarakat semasa pelaksanaan adat bersanding memberi pengertian, kesucian, kesuburan, pengharapan, penerimaan dan pemakluman.

Kata kunci: komunikasi bukan lisan; simbol; pemaknaan; adat persandingan

Pengenalan

Persandingan merupakan acara kemuncak dalam turutan adat perkahwinan masyarakat Melayu. Ia dilaksanakan sebagai pemakluman kepada masyarakat tentang suatu hubungan yang telah disahkan dari sudut agama (syariat Islam) dan undang-undang. Pemakluman kepada masyarakat dilakukan dalam suatu aturan majlis yang penuh adat, melambangkan ketinggian akal budi masyarakat Melayu. Aturan adat yang disusun bukan sekadar untuk tontonan dan pemakluman tetapi membawa bersama nilai masyarakatnya.

Terjemahan nilai masyarakat digarap dengan sangat tertib bagi memastikan maksud yang dihajati dapat diterima seterusnya menjadi pegangan dan panduan dalam kehidupan kepada pasangan pengantin mahupun masyarakat. Bagi menterjemahkan nilai yang didukung, masyarakat Melayu mencipta simbol-simbol tertentu seperti makanan, pakaian, peralatan mahupun warna dalam pelaksanaan adat persandingan mereka.

Kajian Lalu

Komunikasi berlaku apabila makna atau mesej disampaikan melalui pelbagai cara dan bentuk daripada pembawa pesan (*sender*) kepada penerima pesan (*receiver*). Ini bermakna bahawa komunikasi bukan sahaja melibatkan simbol yang jelas tetapi juga aspek dalaman, seperti tingkah laku, tanda-tanda atau simbol-simbol yang membawa makna dan makna ini perlu teliti dan ditafsirkan. Sehubungan itu, komunikasi dikategorikan kepada dua iaitu komunikasi lisan dan komunikasi bukan lisan. Komunikasi menurut (Barker & Gaut, 2002 hal:18-19), berdasarkan biologi dan budaya, kompleks, berterusan dan proses yang interaktif antara individu, menggunakan simbol lisan dan bukan lisan untuk membentuk, menekankan atau mengubah perilaku satu sama lain, sama ada secara serta merta atau dalam jangka masa

panjang untuk kepuasan apa yang mereka perlukan dalam lingkungan kehidupan bagi memastikan kelangsungan hidup individu.

Definisi ini telah dikembangkan daripada definisi awal yang dibuat oleh (Barker, 1984) yang menyatakan komunikasi lisan merujuk kepada simbol di mana mempunyai makna kepada manusia yang terlibat dalam proses komunikasi dan diterjemahkan dalam bentuk pengucapan atau penulisan yang dikenali sebagai bahasa. Komunikasi bukan lisan pula mempunyai maksud yang sangat mendalam. Jika komunikasi secara umumnya merujuk kepada perkataan yang digunakan ketika proses komunikasi berlaku, komunikasi bukan lisan menurut Knapp & Hall (2006) merujuk kepada komunikasi yang dilakukan melalui selain daripada perkataan yang membawa makna (seperti contoh pandangan mata, gerak/bahasa tubuh atau aturan vokal).

Namun kemudiannya (Seiler, Beall, & Mazer, 2016) mendefinisikan komunikasi bukan lisan sebagai semua kelakuan, perbuatan, sifat atau objek (kecuali perkataan) yang menyampaikan pesanan yang mempunyai makna sosial. Ini bermakna komunikasi bukan lisan melibatkan semua bentuk perlakuan, objek, sifat, pesanan atau simbol, sebahagian daripada perkataan atau penggunaan bahasa, sama ada dalam bentuk percakapan atau tulisan. Komunikasi bukan lisan boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu: komunikasi melibatkan ekspresi muka, tanda, pergerakan tubuh, lirikan mata, sifat fizikal, sentuhan (haptics), bau (olfactics), jarak kedekatan dan kawasan (proxemics and territoriality) dan juga artifak.

Sebagaimana yang dijelaskan oleh Tenas Effendy (p. 2, 1992), upacara “BERSANDING” atau disebut juga “LANGSUNG” merupakan upacara kemuncak dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Riau di Indonesia. Perkataan bersanding digunakan untuk menggambarkan perbuatan mempersandingkan pengantin lelaki dan pengantin perempuan, dilakukan secara besar-besaran, mengikut status sosial dan kemampuan kedua-dua belah pihak, terutamanya pihak wanita. Manakala perkataan langsung pula bermaksud pada waktu inilah kedua-dua pengantin dipertemukan secara langsung duduk di pelaminan sebagai pasangan suami isteri. Dalam bahasa sehari-hari, sebutan untuk upacara ini dikatakan “HARI LANGSUNG”.

Masyarakat Riau menggunakan pelbagai jenis peralatan termasuk pakaian yang dijadikan sebagai simbol komunikasi dalam upacara ini. Setiap simbol yang digunakan membawa maksud kepada mereka seperti pakaian pengantin perempuan dilengkapi hiasan leher terdiri daripada dokoh dan rantai papan, hiasan pinggang (pending), hiasan tangan iaitu gelang tangan, hiasan jari yang terdiri daripada cincin, hiasan kepala yang dikenali sebagai *ramin* atau ketam dahi atau *tatah gendai*, hiasan telinga yang dikenali sebagai *sunting*, kasut yang bertutup serta pemakaian selendang. Padanan pakaian pengantin ini merujuk kepada status sosial mereka dalam masyarakat.

Kajian pakaian sebagai simbol kedudukan seseorang dalam masyarakat melalui situasi dalam adat persandingan turut juga dilakukan oleh Pelras (1996, p. 159). Jika Tenas Effendy menjumpai simbol tersebut melalui kajiannya dalam lingkungan masyarakat Melayu Riau, Pelras pula telah menemuinya dalam masyarakat Bugis di daerah Tawau, Sabah. Selain pakaian Pelras turut mencatatkan jumlah tetamu yang hadir, jenis pakaian pengantin yang diperagakan dan jumlah *dui' menre'* atau wang hantaran yang dibelanjakan sebagai simbol status sosial masyarakat.

Penekanan kajian simbol daripada segi penggunaan alatan dan perkakas tertentu dalam adat persandingan di rungkai oleh Amran Kasimin (2002, p.73) dengan menjelaskan penggunaan sirih lat-lat (sejambak bunga yang tangan yang dihiasi dengan sirih di sekelilingnya) diberikan oleh wakil pengantin perempuan kepada pihak lelaki bagi memaklumkan pengantin perempuan telah bersedia untuk bersanding. Penggunaan sirih lat-lat sebagai pemberian sebelum bermula adat bersanding daripada pihak perempuan kepada pengantin lelaki turut dicatat dalam penulisan Sheppard(1972). Bezanya Sheppard tidak menjelaskan makna di sebalik pemberian sirih lat-lat.

Penulisan ini cuba menghubungkan jalinkan penggunaan simbol yang diciptakan oleh masyarakat Melayu di kawasan kajian dan makna yang ingin disampaikan. Jika Tenas Effendy dan Pelras menyatakan bahawa pakaian digunakan sebagai lambang status sosial pengantin dan keluarga dalam konteks masyarakat yang dikaji, adakah penemuan yang sama ditemui dalam kajian masyarakat Melayu. Selain pakaian adakah simbol yang digunakan oleh masyarakat Melayu untuk menonjolkan status sosial yang di dokong mereka? Benar kah pakaian sebagai simbol sosial? Atau sebenarnya pakaian yang dipakai hanya sebagai meraikan hari sebuah hari penting dalam kehidupan.

Kaedah Kajian


Input kajian diperoleh melalui pemerhatian turut serta dan temu bual mendalam bersama informan utama iaitu Mak Andam dan pengamal adat. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian dilaksanakan di suatu perkampungan Melayu, Kg Seri Kedah, Sungai Leman Sekinchan Selangor. Kampung ini didiami oleh masyarakat yang berasal daripada negeri Kedah, membuka penempatan di sini sekitar tahun 1974. Kajian dilakukan pada Disember 2011. Selain daripada sumber sekunder, sumber primer turut digunakan dalam membentuk penulisan.

Perbincangan

Simbol objek yang digunakan dalam adat persandingan seperti yang didefinisikan ialah barang-barang dan peralatan yang digunakan. Barang-barang tersebut mempunyai makna yang tersendiri. Makna ini wujud dalam budaya dan pemikiran orang Melayu yang diperturunkan daripada satu generasi ke satu generasi. Simbol-simbol objek dalam adat persandingan membawa makna kesucian, kesuburan, penerimaan dan pemakluman. Simbol objek yang digunakan dalam adat persandingan di kawasan kajian ialah inai, beras kunyit, air mawar, bunga rampai, pulut semangat, bunga telur, kompong, bunga manggar dan pelamin.

i. Inai

Pemakaian inai pengantin perempuan bukan semata-mata untuk kelihatan cantik tetapi mengandungi makna yang tersembunyi daripada perlakuan tersebut. Ia dianggap sebagai simbol pemberitahuan kepada khalayak berhubung peralihan status pengantin itu. Apa yang paling penting ialah, pemakaian inai ini mempunyai maksud yang sukar diterjemahkan dalam menggambarkan kesucian seorang pengantin perempuan. Hal ini kerana pemakaian inai bertahan untuk tempoh selama tiga bulan. Jika inai masih merah di jari tetapi pengantin perempuan tersebut telah melahirkan anak, ia memaklumkan yang pengantin perempuan semasa dinikahi telah tidak suci, atau dengan erti kata lain beliau telah melakukan hubungan seksual sebelum bernikah. Masyarakat Melayu di Kampung Seri Kedah sering mengungkapkan istilah bunting pelamin sekiranya dalam tempoh tujuh atau sembilan bulan daripada tarikh perkahwinan, pasangan pengantin itu menerima cahaya mata. Oleh itu, pemakaian inai pengantin perempuan masyarakat Melayu di Kampung Seri Kedah dikaitkan dengan sebagai simbol kesucian.



Gambar 1: Lukisan Inai di Tangan Pengantin
(Sumber: Kerja Lapangan)

ii. Beras Kunyit

Beras kunyit dalam adat persandingan masyarakat Melayu membawa simbol kekayaan, kerana ia diwakili dengan warna kuning ataupun warna emas untuk pasangan pengantin. Kekayaan di sini bukan hanya dilihat dari sudut kebendaan tetapi juga daripada zuriat yang bakal lahir dalam keluarga yang baharu dibina. Masyarakat Melayu di Kampung Seri Kedah melihat emas merupakan lambang kekayaan. Justeru mereka menggunakan warna kuning yang diletakkan pada beras untuk menjadikan beras tersebut berwarna seperti emas. Sebab itulah beras yang ditabur kepada pengantin sewaktu bersanding dinamakan sebagai beras kunyit kerana ia mewakili warna kuning (emas). Ia selaras dengan penulisan Azah Aziz (2006) yang menjelaskan bahawa masyarakat Melayu membuat persamaan warna kuning sebagai interpretasi terhadap warna emas yang membawa makna kekayaan.

iii. Air Mawar

Air mawar merupakan bahan utama yang digunakan dalam upacara merenjis sewaktu persandingan. Dengan itu, air mawar mempunyai konteks pemaknaan yang sungguh penting dalam keseluruhan upacara yang dilakukan. Air mawar terdiri daripada air yang dicampurkan dengan titisan minyak wangi dan sedikit tepung beras. Ia diletakkan dalam bekas tembaga yang mempunyai muncung halus dan panjang. Dalam penggunaannya sewaktu persandingan, air mawar membawa simbol berkenaan keharuman budi pekerti dan kesucian niat pasangan pengantin itu dalam menuju penyatuan melalui perkahwinan yang dilangsungkan. Keharuman air mawar yang dipercikkan ke tubuh kedua-dua mempelai sewaktu upacara menepung tawar diharapkan memberikan kebahagiaan dan keharmonian dalam hidup berumah tangga yang bakal ditempuh oleh pasangan.



Gambar 2: Pada Bahagian Atas Alat Merenjis Itu Terletak Bekas Air Mawar
(Sumber: Kajian Lapangan)

iv. Bunga Rampai

Bunga rampai ialah daun pandan yang dihiris halus dan digaulkan dengan 7 jenis bunga; iaitu bunga melur (warna putih, kuning dan merah), bunga mawar, bunga kekwa, bunga jenjarum dan bunga kertas. Pemilihan bunga ini terpulang kepada pembuat bunga rampai itu sendiri. Hal yang diutamakan dalam ramuan ini ialah bunga yang dipilih itu hendaklah mempunyai bau dengan campuran pelbagai warna. Campuran ini kemudian akan direnjiskan dengan air mawar dan jenis-jenis minyak wangi lain tanpa alkohol.

Penyediaan bunga rampai dilakukan secara gotong royong oleh anak-anak gadis. Daun pandan yang dihiris perlu dibersihkan terlebih dahulu bagi memastikan tidak ada sebarang kekotoran yang melekat padanya. Daun pandan yang telah dibersihkan dilapiskan sebanyak 3 hingga 4 lapisan, dibuang urat halus di tengah daun dan kemudian baharu dihiris.

Penyatuan hirisan daun pandan, bunga-bunga dan titisan air mawar dilihat sebagai simbol keharmonian dan kemakmuran pasangan pengantin dalam menjalani kehidupan sebagai suami dan isteri. Daun pandan menjadi bahan utama dalam penyediaan bunga rampai. Daun pandan berwarna hijau yang dikaitkan dengan sifat kesuburan dan berbau harum; dilambangkan sebagai keharuman yang berkekalan dalam rumah tangga.

v. Pulut Semangat

Pulut semangat diletakkan di dalam paha yang turut diisikan dengan bunga telur. Pulut semangat dalam keadaan biasa dipanggil sebagai pulut kuning kerana ia diperbuat daripada beras pulut, direndam dengan kunyit (*curcuma domestica*) untuk menjadikannya berwarna kuning. Kunyit dijadikan sebagai bahan pewarna dan perasa untuk menambah keenakan rasa pulut tersebut. Selain itu, kunyit juga dikatakan sebagai bahan untuk melewati proses makanan menjadi basi. Kunyit yang memiliki warna kuning keemasan dan rasa kepedasan, disimbolkan sebagai membawa unsur panas. Sementara itu, warna kuning pula dikaitkan dengan warna kebesaran dan warna raja-raja. Warna kekuningan dan rasa kepedasan ini digabungkan dengan semangat yang ada pada beras, menjadikan pulut semangat memiliki

kekuatan dan kebesaran yang tertentu. Oleh kerana itu dalam setiap upacara persandingan, pulut kuning cenderung dirujuk sebagai ‘pulut semangat’.

Sifat pulut semangat yang melekat-lekat antara satu sama lain (melekit) juga turut memberikan makna tertentu. Ia dirujuk sebagai simbol terhadap kekuatan ikatan perkahwinan yang wujud antara pengantin perempuan dengan pengantin lelaki, ikatan antara anak dengan ibu bapa; serta menantu dengan mertua. Ikatan perkahwinan antara pasangan pengantin, ikatan ibu bapa dengan anak menantu dan ikatan menantu dengan mertua ini akan diharap berkekalan sehingga akhir hayat, sebagaimana yang diperlihatkan oleh pulut semangat yang melekat antara satu sama lain – yang menjadikannya sukar untuk dipisahkan. Di samping itu, pulut yang mempunyai gabungan rasa lemak manis dan masin turut disamakan dengan rasa dalam kehidupan yang bakal ditempuhi oleh pasangan pengantin tersebut dalam mendirikan rumah tangga.

vi. Bunga Telur

Bunga telur yang diletakkan di atas pulut semangat yang menjadi hiasan di pelamin juga turut membawa maksud yang tersendiri. Bunga telur dalam konteks ini dijelaskan sebagai simbol kesuburan – oleh kerana ia dikaitkan dengan telur ayam yang digunakan itu. Sifat ayam yang tidak berhenti bertelur menunjukkan kesuburan haiwan tersebut. Maka diharapkan kesuburan pada ayam akan turut memberi kesan kepada pasangan pengantin untuk dikurniakan zuriat hasil daripada perkahwinan mereka. Terdapat juga penggunaan telur itik dijadikan sebagai bunga telur. Bezanya telur itik akan diwarnakan dengan warna merah, yang melambangkan kegembiraan selain makna kesuburan yang dibawa oleh telur rebus.

Hal yang demikian selaras dengan apa yang dikemukakan oleh Strange (1981) yang mendapati bahawa telur rebus merupakan lambang kesuburan; dengan kulitnya dicelup warna merah, diikat pada sebatang buluh kecil dan dihiasi bunga dan daun yang dibuat daripada kertas berwarna, di mana ia menjadi buah tangan kepada tetamu yang hadir ke majlis.



Gambar 3: Bunga Telur yang Diletakkan di Atas Pulut Semangat
(Sumber: Kajian Lapangan)

vii. Kompang

Sebagaimana yang pernah diakui oleh Sheppard (1972, hal: 19) bahawa kompang sebagai simbol masa – merupakan warisan masyarakat terdahulu. Pada zaman dahulu, penggunaan nobat berfungsi sebagai simbol pemberitahuan masa tentang berlakunya sesuatu upacara atau keraian di istana. Nobat merupakan bentuk alat muzik istana yang melambangkan kebesaran kerajaan Melayu. Ia dipercayai mempunyai daulat serta tidak boleh dimainkan pada waktu dan oleh orang sembarangan. Nobat dimainkan di rumah nobat atau balai rong seri semasa istiadat pertabalan seseorang sultan. Dengan erti kata lain, alat bunyi-bunyian mempunyai hubungan yang rapat dengan kedudukan golongan yang memerintah, justeru dalam segenap adat istiadat dan upacara, alat bunyi-bunyian seperti ini tidak akan dikesualikan. Teks *Sejarah Melayu* juga turut menegaskan tentang kepentingan alat bunyi-bunyian berkenaan semasa majlis di istana, sebagaimana yang digambarkan:

Maka diaraklah dengan selengkapnya alat kerajaan dengan segala bunyi-bunyian, gendang, serunai, nafiri, nagara, medali, terlalu azmat bunyinya, bercampur dengan bunyi bedil pegawai istinggar, seperti kacang direndang, di arah lalu ke dalam.

(A.Samad Ahmad, 1996, hal: 297)

Sehubungan itu, alat muzik kompang yang dipalu semasa perarakan pengantin jelas menunjukkan fungsi dan maknanya dalam melengkapkan lagi suasana ‘raja sehari’ menerusi majlis perkahwinan tersebut. Dalam konteks ini, masyarakat Melayu bawahan telah berusaha untuk memberikan ‘warna istana’ dalam meraikan raja sehari. Jika nobat hanya boleh dimainkan di istana dan dilarang untuk orang kebanyakan, maka sebahagian peralatan yang terdapat dalam muzik nobat; iaitu gendang kecil (kompang) diambil untuk dijadikan sebagai latar muzik dalam adat perkahwinan. Selain itu makna utama paluan kampung adalah untuk menandakan waktu iaitu pemakluman kepada tetamu tentang kehadiran pengantin untuk melaksanakan adat persandingan.

viii. Bunga Manggar

Bunga manggar merupakan suatu bentuk adaptasi pada bunga atau manggar kelapa yang membawa maksud kesuburan dan keteguhan hati. Masyarakat Melayu menterjemahkan alam dalam memberi makna kepada simbol yang dicipta dalam adat persandingan melalui kearifan tempatan yang dimiliki dan diwarisi sejak turun temurun. Keteguhan hati dalam konteks ini membawa makna kekuatan jiwa untuk menghadapi kehidupan rumah tangga. Jika diamati, bunga kelapa tersusun pada mayang kelapa dan sukar dipisahkan. Ia teguh berada di tangkai mayang kelapa hingga menjadi bunga, putik seterusnya bertukar menjadi buah kelapa. Sehubungan itu masyarakat Melayu mengambil iktibar daripada sifat bunga kelapa dan diterjemahkan dalam bentuk bunga manggar. Simbol kesuburan pula, ia dilihat dari sudut mayang kelapa yang biasanya mengandungi banyak bunga kelapa. Justeru, adalah diharapkan agar kesuburan pokok kelapa akan berjangkit kepada pasangan pengantin.



Gambar 4 : Bunga Kelapa dan Bunga Manggar. Kesamaan Bentuk dan Ciri yang dilihat pada Bunga Kelapa dan Bunga Manggar
(Sumber: Kajian Lapangan)

ix. Pelamin

Pelamin merupakan replika singgahsana yang terdapat di istana sultan atau raja yang memerintah. Singgahsana ialah tempat duduk bagi seseorang raja atau sultan sesebuah negeri yang mempunyai raja atau sultan dalam konteks Malaysia. Singgahsana diletakkan dalam ruang istana dan digunakan dalam adat istiadat tertentu sahaja. Singgahsana menjadi lambang kemegahan dan kekuasaan raja atau sultan yang memerintah. Singgahsana mempunyai peterana atau kerusi yang berbalut dengan baldi berwarna biru (bagi Negeri Johor), atau berwarna kuning (Negeri Selangor). Bagi kerajaan Negeri Selangor, peterananya berbentuk sofa panjang segi empat sama. Pelamin yang disediakan dalam adat persandingan mempunyai dua tingkat anak tangga dan satu pentas sebagai asas singgahsana. Ukuran singgahsana ini lebih kurang 12 meter panjang dan 4 meter tinggi. Peterana ini diletakkan bantal kecil di bahagian belakang sebagai alas pinggang. Terdapat pula bantal kecil yang lain untuk diletakkan di atas ribaan kedua-dua pengantin sebagai alas meletakkan tapak tangan.

Dalam konteks adat persandingan masyarakat Melayu, pelamin sebagai salah satu penonjolan ciri-ciri istana Melayu yang dipersembahkan oleh masyarakat untuk menghidupkan suasana raja sehari. Simbol kekuasaan raja sehari ini diterjemahkan dengan menyediakan pelamin atau singgahsana seperti yang ada dalam kalangan raja atau sultan yang memerintah. Jika raja atau sultan bersemayam di singgahsananya untuk melangsungkan adat istiadat istana atau pambahuran pertabalan, maka dalam adat perkahwinan, pasangan pengantin yang disandingkan di singgahsana pula memberikan erti sebagai simbol pemakluman kepada masyarakat bahawa pasangan lelaki dan perempuan tersebut telah rasmi menjadi pasangan suami dan isteri yang sah dari sudut Islam dan adat masyarakat.

Kesimpulan

Kajian ini jelas menunjukkan penggunaan simbol dalam adat persandingan sebagai suatu bentuk komunikasi bukan lisan dalam masyarakat Melayu sebagai salah satu medium pemakluman. Keadaan ini secara tidak langsung mendekatkan hubungan sosial dengan masyarakat dan memberikan suatu pancaran nilai yang ideal tentang bagaimana sesuatu pemakluman perkahwinan itu patut dinyatakan kepada umum dalam penuh kesopanan dan ketertiban.

Setiap simbol objek yang digunakan membawa makna tersendiri yang akhirnya memberi suatu himpunan maklumat kepada keseluruhan adat persandingan yang dilaksanakan. Simbol objek yang digunakan dalam adat persandingan di kawasan kajian ialah inai, beras kunyit, air mawar, bunga rampai, pulut semangat, bunga telur, kompang, bunga manggar dan pelamin.

Daya intelektual yang tinggi dalam pemikiran masyarakat Melayu telah memungkinkan mereka mengolah suasana istana dan diterjemahkan dalam adat perkahwinan. Maka terjemalah 'istana rakyat' dan 'raja rakyat' dalam masyarakat marhaen yang diungkapkan sebagai 'raja sehari' untuk pengantin. 'Kemewahan' istana diwarnai dengan simbol yang digunakan dalam perarakan pengantin seperti bunga manggar dan pengiring pengantin. Bagi menonjolkan kekuasaan 'raja sehari' tempat pengantin disandingkan dibina seumpama singgahsana takhta raja dan sultan bertakhta yang dikenali dengan nama pelamin.

Sehubungan itu kajian ini merupakan kajian lanjutan berhubung penggunaan simbol yang dilakukan sebelum ini oleh pengkaji terdahulu seperti Sheppard (1975), Syed Alwi (195) dan Amran Kasimin (2001) yang hanya membuat penyenaian secara sepintas lalu berhubung penggunaan simbol dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu tanpa menganalisis pewujudan simbol secara mendalam.

Rujukan

- Amran Kasimin. (2002). *Perkahwinan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azah Aziz, . (2006). *Rupa dan Gaya Busana Melayu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Barker, L. L. (1984). *Communication*. New Jersey: Prentice-Hall.
- Barker, L. L., & Gaut, D. R. (2002). *Communication*. Boston: Pearson Education Company.
- Knapp, M. L., & Hall, J. A. (2006). *Nonverbal Communication in Human Interaction* (Sixth Edit). Toronto: Thomson Wadsworth.
- Pelras, C. (1996). *The Bugis*. Oxford: Blackwell Publishers.
- Seiler, W. J., Beall, M. L., & Mazer, J. P. (2016). *Communication: Making Connections* (9th ed.). Boston: Pearson.
- Sheppard, M. (1972). *Taman Indera : Malay Decorative and Pastimes. Taman Indera: Malay Decorative Arts and Pastimes* (illustrate). Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Strange, H. (1981). *Rural Malay Women in Tradition and Transition*. New York: Praeger.
- Tenas Effendy. (1992). *Upacara "Bersanding" Sebagai Puncak Upacara Perkahwinan Adat Melayu Riau* (No. 42886). Pekan Baru.